



FADILLAH (kiri) ketika hadir ke Sambutan Hari Kastam Sedunia ke-43 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Terus perkukuh nilai integriti

- **PM seru semua pegawai kastam elak cemar nama jabatan**
- **Perlu celik, selari peredaran teknologi**

Oleh **KAMARIAH KHALIDI**

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan bahawa integriti dan amanah merupakan tunjang utama dalam perkhidmatan awam.

Justeru, katanya, insiden melibatkan enam pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam Ops Airways yang dikaitkan dengan sindiket penyeludupan vape di Pusat Kargo KLIA harus dijadikan iktibar.

“Saya menyeru agar JKDM terus memperkukuh nilai integriti dalam kalangan pegawai kerana matlamat kerajaan ini jelas, ama-

lan rasuah dan pencabulan terhadap usaha mengangkat darjat negara ini akan ditemui dengan tindakan tegas.

“Tidak kira terhadap mana-mana individu sahaja. Jangan pernah sesekali kita mencemarkkan nama baik jabatan dan meroboh kepercayaan rakyat kepada kita,” katanya.

Teks ucapan Anwar dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof sempena Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-43 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Dalam pada itu, Anwar berkata, seiring dengan perkembangan teknologi hari ini, dengan pembangunan teknologi AI yang semakin kompleks diganding dengan kehidupan era ‘post-truth’, JKDM kini berhadapan dengan cabaran yang lebih kompleks.

Jelas beliau, jenayah-jenayah

terdahulu tidak lagi terpacul dengan cara yang sama seperti hari ini.

“Maka, kesiapsiagaan warga Kastam pada hari ini haruslah selari dengan peredaran zaman yang semakin mencabar, keceklikan teknologi dan kemampuan kita untuk lebih kreatif dalam penguatkuasaan perlulah menjadi keutamaan.

“Namun, saya cukup yakin dengan keupayaan tinggi pegawai dan anggota JKDM untuk membawa hasil yang lebih membarangsangkan kepada negara serta membanteras jenayah kontraband dengan lebih berkesan,” ujarnya.

Anwar berkata, semangat kekitaan (*sense of belonging*) dalam kalangan warga JKDM perlu terus dipupuk.

Menurut beliau, pegawai-pegawai serta keluarga besar warga kastam perlu faham akan

impak besar usaha mereka kepada negara dan dengan kefahaman itu mereka dapat melaksanakan tugas bersama dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

“Saya dimaklumkan bahawa kutipan hasil JKDM pada 2024 adalah sebanyak RM65.57 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM10.40 bilion ketimbang 2023. Prestasi ini amat membanggakan. Tahniah. Ia membuktikan keupayaan JKDM untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Madani yang mampan.

“Segala usaha, kudrat dan pengorbanan warga JKDM telah membentuk imej jabatan ini sebagai institusi yang dipercayai dan disegani. Saya yakin, dengan niat yang ikhlas dan kerjasama berpasukan yang kukuh, JKDM akan terus mencatat kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan,” tambahnya.

Kastam sasar kutipan hasil RM67.25 bilion

PUTRAJAYA – Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan sasaran kutipan hasil Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebanyak RM67.25 bilion bagi tahun 2025.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin berkata, bermula awal tahun ini, JKDM telah menggerakkan seluruh jentera dalam memastikan sasaran kutipan hasil pada tahun ini dapat dicapai.

“Seperti kejayaan yang telah dicapai pada tahun lalu, saya yakin dan percaya kita mampu mengulangi kejayaan bagi tahun 2025,” katanya ketika berucap sempena Sambutan Hari Kastam

“

JKDM merekodkan kutipan hasil tertinggi sebanyak RM65.67 bilion pada 2024, iaitu peningkatan 18.85 peratus berbanding RM55.17 bilion tahun sebelumnya.”

Sedunia Kali Ke-43 Tahun 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam.

Pada 9 Januari lalu, media melaporkan, JKDM berjaya merekodkan kutipan hasil tertinggi sebanyak RM65.67 bilion pada 2024, iaitu peningkatan 18.85 peratus berbanding RM55.17 bilion pada tahun sebelumnya.

Dalam pada itu, Anis Rizana berkata, sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam menguatkuasakan undang-undang, JKDM juga telah berjaya menggagalkan sebanyak 7,215 kes cubaan penyeludupan sepanjang tahun 2024 dengan nilai rampasan dan cukai mencecah RM1.644 bilion.

Jelas beliau, sebagai perban-

dingan pada tahun 2023, jumlah nilai rampasan dan cukai hanya berjumlah RM884.27 juta sekali gus menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak RM759.73 juta.

“Sebagai rekod, pada 23 Ogos tahun lalu, kejayaan yang besar telah dicapai oleh JKDM melibatkan rampasan sebanyak 17 buah kontena dengan muatan komoditi rokok sejumlah RM150.26 juta batang dan 30 tan tembakau serta 35.13 tan sisa plastik yang bernilai RM118.16 juta.

“Rampasan ini merupakan rampasan yang terbesar oleh JKDM pada tahun 2024,” tambahnya.